

## Warga emas terima sijil Tahsin al-Quran

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA NERUS** – Faktor usia dan status sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Terengganu tidak menjadi halangan buat Hassan Mamat, 64, untuk komited menjalani kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Beliau berkata, kursus anjuran Yayasan Terengganu dengan kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA selama setahun lima bulan itu telah banyak memberi dimensi baru dalam pembacaan al-Quran dan ilmu tajwid kepadanya.

Menurutnya, beliau hadir dalam kesemua enam sesi kursus tersebut yang berlangsung pada setiap hari Jumaat dan Sabtu minggu ketiga setiap bulan dari 11 November 2016.

“Walaupun saya peserta kursus yang paling tua, tiada apa yang perlu disegankan kerana bagi saya, ilmu itu perlu dicari sehingga ke akhir hayat.

“Pengajaran bacaan al-Quran dan ilmu tajwid banyak membantu saya memantapkan diri sebagai guru tasmi’ di Sekolah Menengah (SM) Imtiaz Kuala Terengganu dan



HASSAN (tengah) menunjukkan sijil Tahsin al-Quran dan Perguruan kepada ahli keluarganya di UniSZA, Gong Badak, Kuala Nerus semalam.

guru mualim di beberapa masjid serta surau sekitar Kuala Terengganu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menerima sijil pada majlis Graduasi Kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan Guru-Guru Tasmi’ Imtiaz Yayasan Terengganu di UniSZA, Gong Badak di sini semalam.

Hassan merupakan salah seorang daripada 145 guru tasmi’ dari lapan

SM Imtiaz seluruh Terengganu yang menerima sijil itu daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad.

Hassan yang merupakan kelulusan syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir berkata, beliau berkhidmat sebagai guru tasmi’ secara sambilan di SM Imtiaz Kuala Terengganu di sini sejak bersara wajib pada tahun 2014.